

107  
Soalan No: 45

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN ANYI NGAU [BARAM]

**TARIKH :** 9.11.2017

**SOALAN :**

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kementerian mengatasi sekolah kurang murid di kawasan pedalaman Sarawak dan nyatakan faktor dan syarat yang menjadi asas pertimbangan rancangan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia maklum mengenai isu-isu yang melibatkan sekolah kurang murid (SKM) di kawasan pedalaman Sarawak. KPM sedang melaksanakan Pelan Hala Tuju SKM melalui strategi jangka pendek dan jangka panjang. Bagi jangka pendek, strategi ini akan melibatkan perkara-perkara berikut:

- i. penggredan semula SKM;
- ii. Kelas bercantum (enrolmen ≤30 murid);
- iii. Penempatan Guru Pemulihan; dan
- iv. Pelaksanaan norma Guru Kelas Bercantum.

Manakala strategi jangka masa panjang pula adalah seperti berikut:

- i. Penggabungan sekolah (radius  $\leq 5\text{km}$ , sama aliran), maksudnya kalau kawasan itu mempunyai sekolah SK, SJKC dan SJKT lebih daripada dua atau tiga buah; dan
- ii. Kekal atas keperluan.

Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM KPM sehingga kini adalah berdasarkan kriteria utama penggabungan iaitu sekolah sama aliran dan tidak menimbulkan implikasi penambahan bilik darjah atau perjawatan. SKM yang terlibat tidak akan ditutup atau murid tidak akan disuraikan sehingga mendapat persetujuan ibu bapa dan masyarakat setempat.